

BAB 8

KESIMPULAN

Dalam penyelidikan ini, jenis penjodoh bilangan dan penggunaannya dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina telah dibincangkan dengan jelas oleh penyelidik. Menerusi perbandingan kedua-dua penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina, satu analisis kontrastif telah dihasilkan. Persamaan dan perbezaan antara penjodoh bilangan kedua-dua bahasa tersebut telah diteliti oleh penyelidik. Seterusnya satu analisis kesilapan telah dijalankan untuk meninjau sejauh mana kebenaran ramalan-ramalan dalam analisis kontrastif serta untuk meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar.

Secara keseluruhan, didapati pelajar-pelajar Melayu yang mengikuti Kursus Bahasa Cina Tahap 3 memperolehi keputusan yang agak baik dalam ujian objektif yang dijalankan. Purata markah yang dicapai oleh pelajar-pelajar ialah 79.8%. Purata peratusan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ialah 20.2%. Purata jumlah soalan yang betul ialah 20 soalan dan purata jumlah soalan yang salah ialah 5 soalan.

Salah satu faktor pelajar melakukan kesilapan dalam ujian objektif adalah kerana bilangan penjodoh bilangan dalam bahasa Cina lebih banyak daripada penjodoh bilangan bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, perangkaian penjodoh bilangan bahasa Cina dengan kata nama adalah lebih rumit. Selain itu, juga terdapat banyak kata nama yang tidak perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan dalam bahasa

Melayu tetapi perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan dalam bahasa Cina. Fenomena-fenomena ini telah menyebabkan pelajar-pelajar melakukan kesilapan interlingual dan kesilapan intralingual. Boleh dikatakan bahawa analisis kesilapan yang dijalankan dapat membuktikan kebenaran ramalan yang dibuat dalam analisis kontrastif.

8.1 Implikasi Daripada Dapatan Kajian

Kajian ini dijalankan oleh penyelidik kerana penjodoh bilangan dianggap sebagai salah satu aspek yang penting Ini kerana hampir setiap kata nama dalam bahasa Cina perlu dirangkaikan dengan penjodoh bilangan yang sesuai. Hasil analisis kesilapan telah menunjukkan bahawa sebanyak 95% pelajar telah melakukan kesilapan dalam penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina. Kesilapan ini disebabkan oleh banyak kata nama dalam bahasa Cina boleh dirangkaikan dengan lebih daripada satu penjodoh bilangan (rujuk Jadual 6.26, ms132)

Dapatan daripada analisis kontrastif dan analisis kesilapan boleh dijadikan panduan bagi para pengajar bahasa Cina yang mengajar pelajar-pelajar Melayu. Daripada analisis-analisis yang dijalankan, faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan pelajar dapat diketahui oleh para pengajar. Dengan ini, teknik pengajaran yang lebih berkesan serta bahan pembelajaran yang lebih sesuai dapat disediakan. Teknik pengajaran dan bahan pembelajaran yang sesuai dapat membantu pelajar menguasai penggunaan penjodoh bilangan dan seterusnya menggunakan penjodoh bilangan bahasa Cina dalam pertuturan harian dengan betulnya.

Hasil dapatan kajian ini turut boleh dijadikan panduan kepada para penulis buku bahasa Cina untuk pelajar-pelajar Melayu. Para penulis buku boleh menekankan ciri-ciri perbezaan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina supaya pelajar memberi perhatian lebih terhadap ciri-ciri perbezaan tersebut. Penulis buku latihan pula boleh menyediakan soalan-soalan yang sesuai kepada pelajar. Ini dapat membantu pelajar mengurangkan kesilapan serta membantu mereka menguasai cara penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina yang betul. Dengan adanya buku teks dan buku latihan yang sesuai, masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu dalam pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina dapat dikurangkan.

8.2 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Kajian ini bertujuan membandingkan jenis dan penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina serta meneliti masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu dalam menggunakan penjodoh bilangan bahasa Cina. Kajian ini harus dijadikan sebagai sebuah kajian jangka panjang supaya kemajuan dan kesilapan pelajar dapat diteliti dengan lebih mendalam. Ini bermakna bukan sahaja ujian diadakan, malah latihan harus diberi kepada pelajar dari semasa ke semasa. Bentuk latihan dan ujian yang diberi harus dipelbagaikan. Selain daripada bentuk objektif, latihan dan ujian boleh diadakan dalam bentuk subjektif seperti mengisi tempat kosong.

Penjodoh bilangan yang diuji dalam kajian ini terhad kepada penjodoh bilangan dalam buku teks serta beberapa penjodoh bilangan tambahan yang diajar

oleh penyelidik. Demi mendapat satu analisis yang lebih menyeluruh, bilangan penjodoh bilangan tambahan yang diajar harus ditambah.

Subjek-subjek dalam kajian ini ialah 40 orang penuntut yang mengambil Kursus Bahasa Cina Tahap 3. Bagi kajian lanjutan, bilangan subjek harus ditambah. Subjek-subjek yang dipilih bukan sahaja daripada UiTM tetapi juga dari institut pengajian tinggi yang lain seperti Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Selain itu, subjek-subjek yang dipilih tidak terbatas kepada penuntut universiti, penuntut bahasa Cina dari institut swasta, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan sebagainya juga harus dipilih sebagai subjek kajian. Subjek-subjek pada tahap pembelajaran bahasa Cina yang berlainan harus diuji supaya kesilapan setiap tahap dapat diteliti.

Faktor-faktor yang mengakibatkan kesilapan pelajar tidak hanya terhad kepada faktor interlingual dan faktor intralingual sahaja, faktor-faktor lain seperti sikap, pendedahan, motivasi, kualiti pengajaran guru serta strategi-strategi pembelajaran harus dikaji juga. Faktor-faktor yang ditinjau ini akan menghasilkan sebuah kajian yang lebih lengkap.

Memandangkan bilangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina semakin banyak, analisis kontrastif aspek-aspek lain umpamanya dalam bidang morfologi dan sintaksis perlu diadakan. Analisis kontrastif ini harus disusuli dengan satu Analisis kesilapan untuk mengesahkan ramalan-ramalan kesilapan yang mungkin dilakukan oleh pelajar.

BIBLIOGRAFI

Buku-buku

Abdullah Hassan. 1993. *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Asmah Haji Omar. 1977. *Kepelbagai Fonologi Dialek -dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1988. *Susur Galur Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1989. *Perancangan Bahasa Dengan Rujukan Khas Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1991. *Aspek Bahasa Dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1992. *Kajian Dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Haji Omar. 1993. *Nahu Melayu Mutakhir (edisi keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. 1985. *Bahasa Melayu Di Malaysia: Suatu Tinjauan Tentang Perkembangan dan Masalahnya dalam ASRAF*. 1996. *Manifesto Budaya Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. ms1-10. Kuala Lumpur: Lohprint Sdn Bhd.

Charles, N. Li and Sandra, A. Thompson 1981: *Mandarin Chinese: A Functional Reference Grammar*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.

Corder, S.P. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. England: Penguin Education.

Corder, S.P. 1981. *Error Analysis And Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.

Darwis Harahap. 1992. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Essien, Udo Ekanem. 1978. *Contrastive Analysis: Principles and Further Considerations*. Ann Arbor: University Microfilms International.

Filipovic, Rudolf. 1984. *What Are The Primary Data For Contrastive Analysis?* dalam Fisiak, Jacek (ed.). *Contrastive Linguistics: Prospects And Problems*. ms107-117. Oxford: Pergamon Press.

Fisiak, Jacek. 1981. *Some Introductory Notes Concerning Contrastive Linguistics* dalam Fisiak, Jacek (ed). *Contrastive Linguistics And The Language Teacher*. ms1-11. Oxford: Pergamon Press.

Fries, Charles C. 1945. *Teaching And Learning English As A Foreign Language*. Ann Arbor: University of Michigan Press.

Gradman, Harry Lee. 1970. *The Contrastive Analysis Hypothesis: What It Is And What It Isn't*. Ann Arbor: University Microfilms.

Gao Wenyuan 高文元. 1991. *Hànzì Jiàoxué Mànhuà 汉字教学漫话*. Beijing: Beijing Jiaoyu Chubanshe.

He Jie. 2000. *Xiàndài Hànyǔ Liàngcí Yánjiū 现代汉语量词研究*. Beijing: Mingzu Chubanshe.

Hashim Bin Musa. 1994. *Falsafah Bahasa Melayu Beberapa Aspek Kajian*. Petaling Jaya.: DJ Gemilang Sdn Bhd.

Hu Yushu (ed) 胡裕树. 1986. *Xiàndài Hànyǔ 现代汉语*. Shanghai: Shanghai Jiaoyu Chubanshe.

Ismail Hussein. 1984. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

James, Carl. 1980. *Contrastive Analysis*. London: Longman Group Limited.

John, H. Schumann dan Nancy, Stenson. 1976. *New Frontiers In Second Language Learning*. Massachusetts: Newbury House Publishers, Inc.

Kari Sajavaara. *Contrastive Linguistics Past and Present and a Communicative Approach* dalam Fisiak, Jacek (ed). *Contrastive Linguistics And The Language Teacher*. ms33-56. Oxford: Pergamon Press.

Lado, Robert. 1957. *Linguistics Across Cultures: Applied Linguistics For Language Teachers*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.

Lu Jianji 鲁健骥. 1999. *Duìwài Hànyǔ Jiàoxué Sīkǎojí 对外汉语教学思考集*. Beijing: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe.

Lu Bisong 吕必松. 1999. *Yǔyán Jiàoyù Wèntí Yánjiū Lùnwénjí 语文教育问题研究论文集*. Beijing: Huayu Jiaoxue Chubanshe.

Mansor Ahmad Saman. 1981. *Balada Orang-orang Yang Ditinggalkan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ma Qingzhu 马庆株. 2000. *Yǔfǎ Yánjiū Rùmén* 语法研究入门. Beijing: Shangwu Yinshuguan.

Mo Shunsheng 莫顺生. 2000. *Mǎláixīyà Jiàoyùshí*. 马来西亚教育史. Kuala Lumpur: Malaixiya Huaxiao Jiaoshihui.

Nelson, Brooks. 1960. *Language And Language Learning*. New York: Harcourt, Brace & World Inc.

Nik Safiah Karim. 1986. *Bahasa Melayu Persoalan Dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House Sdn Bhd.

Noor S.I., A.S. Amin, M Ghazali. 1980. *Orang Bertiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Prentice, D.J. 1991. *Malay (Indonesian and Malaysian)* dalam Bernard Comrie (ed) *The World's Major Languages*. ms913-935. London and New York: Routledge.

Richards, J.C. 1974. *A Non-Contrastive Approach To Error Analysis* dalam Richards, J.C. *Error Analysis, Perspectives On Second Language Acquisitions*. ms172-187. London: Longman Group Limited.

Ronald, Carter. 1993. *Introducing Applied Linguistics*. England: Penguin English

Sanat Md Nasir, Rogayah A Razak. 1998. *Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.

Selinker, Larry. 1974. *Interlanguage* dalam Richards J.C. *Error Analysis, Perspectives On Second Language Acquisitions*. ms31-53. London: Longman Group Limited.

Soh Bee Kwee 苏美桂. 2001. *Hànyǔ, Wūyǔ jí Yǐngyǔ Liāngcí de Xíngtǐ Tèzhēng, Xíngxiàng Sècǎi yú Qíngtài Sècǎi Chūtàn* 汉语,巫语及英语量词的形体特征,形象色彩与情态色彩初探 dalam Huang Lingyan 黄灵燕. *A Collection of Papers Presented at The First Chinese Conference in Malaysia (II)*. ms128-134. Serdang: University Putra Malaysia.

Sridhar, S. N. 1981. *Contrastive Analysis, Error Analysis and Interlanguage- 3 Phases of One Goal* dalam Jacek Fisiak. *Contrastive Linguistics and The Language Teacher*. ms207-241. Oxford: Pergamon Press Ltd.

Stockwell, Robert P. 1968. *Contrastive Analysis and Lapsed Time* dalam Alatics, James E. (ed). *Contrastive Linguistics and Its Pedagogical Implications*. ms11-26. Washington D C : Georgetown University Press.

Wang Jianqin 王建勤. 1997. *Hànyǔ Zuòwéi Dí' èr Yǔyán de Xídé Yánjiū* 汉语作为第二语言的习得研究. Beijing: Beijing Yuyan Wenhua Daxue Chubanshe.

Wang Tieku. 1994. *Hànzi Guifān Tōngsú Jiǎnghuà* 汉字规范通俗讲话. Beijing: Renming Ribao Chubanshe.

Wardhaugh, Ronald. 1975. *The Contrastive Analysis Hypothesis* dalam Schumann, J H and Stenson, N (ed). *New Frontiers in Second Language Learning*. ms11-19. Rawley, Mass: Newbury House Publishers.

Wilga, M Rivers. 1971. *Teaching Foreign Language Skills*. Chicago: The University of Chicago Press.

Xiang Xi 向熹. 1998. *Jiǎnmíng Hànyǔshǐ (xià)* 简明汉语史(下). Beijing: Gaodeng Jiaoyu Chubanshe.

Yuen Ren Chao. 1968. *A Grammar of Spoken Chinese*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.

Yu Guangzhong 余光中. 1995. *Yú Guāngzhōng Shixuǎn* 余光中诗选. Taipei: Hongfan Shudian Youxian Gongsi.

Zainal Abidin Ahmad (Za' ba). 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I. Permulaan Nahu Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zhang Zhigong 张志公, Meng Xianfan 孟宪范. 1985. *Yǔwén Jiàoxué Lùnjí* 语文教学论集. Fujian: Fujian Jiaoyu Chubanshe.

Jurnal-jurnal

Jamaliah Md Ali. 1990. *Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan dalam Jurnal Dewan Bahasa (Mei)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Soh Bee Kwee. 2000. Penjodoh Nama dalam Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu: Satu Perbandingan dalam **Dewan Bahasa Jilid 44 Bil 7**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustak

Tesis-tesis

Aini Binti Haji Aziz. 2001. *Analisis Kontrastif Kata Bilangan dan Penjodoh Bilangan Di Antara Bahasa Melayu dan Bahasa Jepun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Chia Teh Heng. 1999. *Ayat Tanya Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Analisis Kontrastif*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Choi Kim Yok. 1984. *Les Problems D'Apprentissage Du Malais Pour Les Malaisiens D'Origine Chinoise: Systeme Phonetique et Phonologique (Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Orang Cina di Malaysia: Sistem-sistem Fonetik dan Fonologi)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Choong Kee Foong. 1993. *Analisis Kesilapan Penggunaan Imbuhan Kata Kerja dalam Bahasa Melayu di kalangan Pelajar Cina*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Saw Kin Lee. 1997. *Kesilapan Sintaksis dalam Pembelajaran Bahasa Mandarin di kalangan Dewasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Soh Bee Kwee. 1996. *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin: Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zainab Abdul Majid. 1982. *Analisis Kontrastif Sistem Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Latihan Ilmiah

Lin, Lilly Jai-hsyia. 1974. *Penjodoh Bilangan dan Kata-kata Ukuran Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Lye Yeow Mooi. 1997. *Penjodoh Bilangan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamus-kamus

Crystal, David. 1992. *The Cambridge Encyclopedia of Languages*. Cambridge: Cambridge University Press.

Sheikh Othman bin Sheikh Salim et al. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noresah Baharom. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainuddin Dirin. 2000. *Kamus Penjodoh Bilangan untuk KBSR*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.